



ARAHAN PENTADBIRAN DALAMAN JABATAN PERTANIAN MALAYSIA BIL. 3/ 2022

GARIS PANDUAN PENCALONAN DAN PENGIKTIRAFAN PINGAT PERKHIDMATAN CEMERLANG (PPC) DAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) DI JABATAN PERTANIAN MALAYSIA

1. PENDAHULUAN

Pengiktirafan Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC) dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) ini merupakan suatu penghargaan Kerajaan kepada anggota Perkhidmatan Awam yang telah menunjukkan prestasi kerja cemerlang dan sahsiah diri yang terpuji berdasarkan prestasi tahunan pegawai. Penerima anugerah ini juga merupakan pegawai dan kakitangan yang mempunyai potensi, karekter dan kompetensi yang boleh dijadikan teladan kepada sesebuah organisasi dan masyarakat.

2. TUJUAN

Garis panduan ini adalah bertujuan untuk menjelaskan tatacara pelaksanaan pencalonan dan pengiktirafan PPC dan APC bagi warga Jabatan Pertanian Malaysia. Dasar dan pelaksanaan penganugerahan PPC dan APC ini adalah tertakhluk kepada Ceraian UP.5.1.1 dan/ atau lain-lain ceraian yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

3. PELAKSANAAN

Urusetia Pencalonan dan Pengiktirafan Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC) dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)

- 3.1 Pengiktirafan PPC dan APC kepada pegawai dan kakitangan Jabatan Pertanian Malaysia ini diberikan di peringkat Jabatan melalui pencalonan daripada Bahagian masing-masing. Dalam hal ini, Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) bertanggungjawab dalam urusan pemilihan dan penganugerahan kepada pegawai dan kakitangan di Jabatan Pertanian Malaysia dan Bahagian Khidmat Pengurusan bertindak selaku urusetia. Terma rujukan PPSM bagi urusan ini ini adalah seperti di **Lampiran I**.

Kelayakan dan Kriteria Pencalonan dan Pengiktirafan Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC) dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)

3.2 Kelayakan pencalonan

- (i) Terbuka kepada **semua Skim Perkhidmatan** dan **Kumpulan Perkhidmatan** (Pengurusan Tertinggi/ Pengurusan dan Profesional/ Kumpulan Pelaksana) di Jabatan Pertanian Malaysia;
- (ii) Pencalonan perlu dikemukakan melalui **Bahagian masing-masing** termasuk pegawai di bawah *National Extension Program (NEP)*;
- (iii) Pencalonan PPC dan APC Jabatan Pertanian Malaysia **tidak** termasuk pegawai-pegawai pertanian yang ditempatkan di **Jabatan Pertanian Negeri kecuali Pengarah Pertanian Negeri¹**;
- (iv) Bilangan keseluruhan PPC dan APC di Jabatan Pertanian Malaysia **tidak boleh melebihi 8%** daripada jumlah pegawai yang sedang berkhidmat pada 31 Disember tahun penilaian;
- (v) Had **maksimum penerima PPC tidak boleh melebihi 3/8** daripada keseluruhan penerima PPC dan APC;
- (vi) Sekiranya pada tahun berkenaan **tiada** pegawai yang layak menerima PPC, maka Jabatan tidak perlu melaksanakan penganugerahan PPC bagi tahun berkenaan dan **kuota tersebut boleh digunakan untuk pemberian APC**;
- (vii) Memperolehi prestasi cemerlang iaitu sekurang-kurangnya **markah purata 85% Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT)** bagi tiga (3) tahun terkini;
- (viii) Menepati syarat menghadiri **kursus minima lima (5) hari** berkursus;
- (ix) Rekod perkhidmatan yang bersih:
 - Bebas daripada sebarang aduan/ siasatan/ tindakan tatatertib;
 - Bebas daripada sebarang masalah disiplin dan tidak mempunyai masalah kehadiran;
 - Melepasi tapisan keutuhan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
 - Telah mengisytiharkan harta terkini berdasarkan peraturan

¹ Pindaan melalui surat JP.BK(S)500-6/3/1 Jld. (22) bertarikh 28 Februari 2022.

- berkuatkuasa; dan
- Bebas daripada senarai Peminjam Tegar Pendidikan daripada Institusi Pinjaman Pendidikan.

3.3 Kriteria Khusus

(i) Syarat kelayakan dan kriteria khusus bagi pencalonan PPC:

Bagi pencalonan kali pertama, pegawai:

- Telah **disahkan dalam perkhidmatan**
- Telah **genap 5 tahun berkhidmat** dalam perkhidmatan awam pada tahun prestasinya dinilai;
- Jawatan **Gred 1 hingga 54** atau setaraf;
- Cemerlang dalam prestasi kerja dan aktiviti atau sumbangan di luar tugas rasmi;
- Diperakukan oleh **PPSM MOA**

Bagi pencalonan kali kedua, pegawai:

- Memenuhi semua syarat di atas; dan
- Perkhidmatan **tidak terputus dalam tempoh 5 tahun** dari tarikh penganugerahan kali pertama

(ii) Syarat kelayakan dan kriteria khusus bagi pencalonan APC:

- Dilantik secara **tetap, sementara atau kontrak**;
- Pegawai yang telah menerima APC dalam tempoh **lima (5) tahun² sebelumnya** tidak disyorkan kecuali atas persetujuan PPSM;
- Pegawai lantikan baharu yang dicalonkan perlu **berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun³** di DOA;
- Pegawai baharu bertukar ke DOA perlu **berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun³** di DOA sebelum layak dicalonkan;
- Pegawai yang dicalonkan tetapi telah **bertukar keluar dari DOA tidak akan diberi keutamaan**;

3.4 PPSM DOA **berhak untuk memberi pengecualian** terhadap sebarang kriteria seperti yang dinyatakan dalam Garis Panduan Pencalonan Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC) dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Jabatan Pertanian Malaysia ini.

² Pindaan melalui Mesyuarat PPSM LNPT dan APC pada 17 Januari 2022.

³ Pindaan melalui Minit Ceraian pada 14 Disember 2022.

Tatacara Pencalonan Pegawai dan Kakitangan Jabatan Pertanian Malaysia

- 3.5 Urusetia PPC dan APC akan mengemukakan surat pencalonan kepada Bahagian berdasarkan kuota mengikut Bahagian masing-masing.
- 3.6 Pencalonan yang memenuhi syarat-syarat kelayakan dan kriteria yang dinyatakan dalam garis panduan ini akan dibawa ke Mesyuarat PPSM PPC dan APC untuk dipertimbangkan.
- 3.7 Pegawai dan kakitangan yang diperakukan akan dimaklumkan oleh Urusetia PPC dan APC.
- 3.8 Carta alir bagi proses pencalonan dan pemilihan adalah seperti di **Lampiran II**.

4. PINDAAN

Garis Panduan ini adalah tertakhluk kepada pindaan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) Jabatan Pertanian Malaysia pada bila-bila masa sekiranya perlu.

5. PEMBATALAN

Arahan Pentadbiran Dalam Jabatan Pertanian Malaysia Bil. 4/ 2020 mengenai Garis Panduan Pencalonan dan Pengiktirafan Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC) dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) di Jabatan Pertanian Malaysia adalah dibatalkan.

6. PEMAKAIAN

Garis Panduan ini adalah terpakai kepada semua pegawai dan kakitangan Jabatan Pertanian Malaysia termasuk di negeri.

7. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara ini boleh diajukan kepada Unit Prestasi, Seksyen Perkhidmatan, Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Pertanian Malaysia di prestasihq@doa.gov.my.

LAMPIRAN I



TERMA RUJUKAN

**PANEL PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA (PPSM)
JABATAN PERTANIAN MALAYSIA**

Pengerusi	:	Ketua Pengarah Pertanian
Ahli-ahli	:	(i) Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Pembangunan Industri dan Pengembangan) (ii) Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Pengurusan dan Regulatori) (iii) Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan
Kekerapan mesyuarat	:	Sekurang-kurangnya sekali (1) setahun
Urusetia	:	Unit Prestasi Seksyen Perkhidmatan Bahagian Khidmat Pengurusan
Peranan dan tanggungjawab	:	(i) Mempertimbangkan dan memperakukan pencalonan PPC dan APC pegawai dan kakitangan Jabatan Pertanian Malaysia termasuk pencalonan pegawai dan kakitangan Persekutuan di negeri; (ii) Mempertimbangkan dan memutuskan kaedah pemberian insentif kepada penerima PPC dan APC; (iii) Mempertimbangkan dan memutuskan penambahbaikan Garis Panduan Pencalonan Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC) dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Jabatan Pertanian Malaysia.



CARTA ALIR PROSES KERJA

**PENCALONAN DAN PENGIKTIRAFAN PINGAT PERKHIDMATAN CEMERLANG (PPC)
DAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC)
JABATAN PERTANIAN MALAYSIA**

PROSES	AKTIVITI	TANGGUNG-JAWAB	TEMPOH
<pre> graph TD MULA([MULA]) --> A[Penetapan kuota mengikut Bahagian] A --> B[Surat pencalonan DOA] B --> C{Calon} C -- Tiada --> D[Selesai] C -- Ada --> E[Kemuka kepada Urusetia] E --> F{Layak} F -- Tidak --> E F -- Ya --> G[Mesyuarat bersidang] G --> H[Kemuka calon PPC kepada MOA] H --> I[Surat jemputan] I --> J[Rekod] J --> K([TAMAT]) </pre>	Urusetia menetapkan bilangan pencalonan bagi setiap Bahagian.	Urusetia	Disember
	Surat dikeluarkan kepada semua Bahagian untuk pencalonan.	Urusetia	
	Bahagian mengenalpasti pegawai dan kakitangan yang layak berdasarkan kriteria yang ditetapkan.	Bahagian	
	Mengemukakan senarai pencalonan kepada Bahagian Kidmat Pengurusan, DOA selaku Urus Setia PPC dan APC pada tarikh yang ditetapkan.	Bahagian	(Tarikh yang dinyatakan dalam surat)
	Menyemak dan memastikan semua pencalonan memenuhi kriteria yang ditetapkan.	Urusetia	
	Mesyuarat PPSM PPC dan APC DOA bersidang.	PPSM	Suku pertama tahunan
	Mengemukakan calon PPC yang di[er]setujui oleh PPSM kepada MOA untuk kelulusan JPA.	Urusetia	14 hari dari Mesyuarat bersidang
	Urusetia mengeluarkan surat jemputan kepada penerima PPC dan APC untuk menghadiri Majlis PPC dan APC.	Urusetia	Suku pertama tahunan
	Majlis PPC dan APC.	Urusetia	
	Merekodkan penerima PPC dan APC.	Urusetia	